



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

FAKULTI PERUBATAN VETERINAR
FACULTY OF VETERINARY MEDICINE
فاكولتي قروبتن و يترينر

HOSPITAL VETERINAR UNIVERSITI
FAKULTI PERUBATAN VETERINAR, UPM

IKLAN JAWATAN KOSONG

Individu (warganegara Malaysia) yang berkelayakan dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan di bawah seperti berikut:

(1) PEGAWAI EKSEKUTIF 3 (SETARA PEGAWAI VETERINAR GRED GV9)
– DOKTOR HAIWAN

Klasifikasi Perkhidmatan : Skim Perkhidmatan Bukan Akademik, UPM

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Gaji : RM 4,125.00 (tiada elaun)

Syarat Lantikan : (1) Warganegara Malaysia;
(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

Bidang/ Kelayakan Khusus:

(3) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau ijazah dalam ilmu perubatan veterinar atau sains veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

DAN

Syarat Lantikan Tambahan:

(4) berdaftar di bawah Seksyen 12(1) Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) selaras dengan senarai kelayakan-kelayakan di Bahagian 1 Jadual Kedua;

Syarat Bahasa Melayu:

(5) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) di peringkat SPM/ SVM;

DAN

Bidang Kelayakan Akademik:

(6) Sains Veterinar;

Taraf Jawatan : Kontrak

Ringkasan Tugasan : Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas merawat pesakit yang terdiri daripada haiwan kesayangan dan haiwan besar termasuk haiwan ladang dan eksotik.

Khusus:

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggung Jawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Kriteria lain : Kemasukan segera pada **15 Julai 2026**.

(2) JURU X-RAY GRED (U5)

Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan dan Kesihatan

Kumpulan : Pelaksana

Gaji pokok : RM1,974.00

Syarat Lantikan : (1) Warganegara Malaysia;

(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

Kelayakan Masuk: DIPLOMA

Bidang/ Kelayakan Khusus:

(3) Diploma Radiografi, Diploma Pengimejan Perubatan, Diploma dalam bidang Radioterapi atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

DAN

Syarat Bahasa Melayu:

(4) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan : Kontrak

Ringkasan Tugas : a. Diagnostik/Pengimejan Perubatan

i. Menjalankan pemeriksaan Pengimejan diagnostik yang merangkumi: Radiografi Am, Radiografi Mudah Gerak, Tomografi Berkomputer (CT scan), Pengimejan Resonan Magnet (MRI), Angiografi, Pendigitalan dan Salinan imej Radiologi serta lain-lain lagi mengikut piawaian garis panduan yang telah ditetapkan bagi menghasilkan imej yang bernilai diagnostik.

- ii. Memberikan khidmat nasihat sebelum, semasa dan selepas pemeriksaan dijalankan untuk menjaga kebajikan pesakit.
- iii. Menghasilkan imej yang berkualiti serta menepati keperluan diagnosis mengikut piawaian yang telah ditetapkan.
- iv. Melaksanakan fungsi penjagaan peralatan dan kawalan mutu bagi memastikan peralatan dapat menghasilkan imej yang berkualiti.
- v. Membantu pelaksanaan latihan dalam perkhidmatan untuk melengkapkan diri ke arah perkembangan kerjaya selaras dengan misi kementerian yang menekankan konsep profesionalisma dan perkhidmatan yang berkualiti.
- vi. Membantu pelaksanaan aktiviti kualiti peringkat jabatan agar mutu perkhidmatan Radiologi dapat dijaga dan dipertingkatkan mengikut piawai yang ditetapkan.
- vii. Memastikan aspek perlindungan sinaran terhadap diri sendiri, pesakit, orang awam dan staf diaplikasikan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

b. Terapi

- i. Mengendali peralatan radioterapi dan pengimejan dengan selamat.
- ii. Melakukan prosedur simulasi yang betul mengikut teknik dan bahagian rawatan yang ditentukan.
- iii. Menghasilkan alat aksesori rawatan.
- iv. Memberi rawatan radiasi mengikut teknik dan kawasan rawatan yang ditentukan.
- v. Mengawasi kesan sampingan pesakit.

Kriteria Lain : Kemasukan segera. Keutamaan bagi calon yang boleh berkhidmat mulai **15 Julai 2026**.

(3) PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (SETARA GRED G1 – PEMBANTU VETERINAR)

Klasifikasi Perkhidmatan : Pertanian

Kumpulan : Pelaksana

Gaji : RM 1,800.00 (tiada elaun)

Syarat Lantikan : (1) Warganegara Malaysia;

(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

Kelayakan Masuk: Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

- (3) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

ATAU

Kelayakan Masuk: Sijil Vokasional Malaysia (SVM)

- (4) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan;

ATAU

Kelayakan Masuk: SPM dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2

- (5) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

ATAU

Kelayakan Masuk: SPM dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3

- (6) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

Syarat Bahasa Melayu:

- (7) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan : Kontrak

- Ringkasan Tugas :
- (1) Membantu dalam pengurusan dan penjagaan haiwan;
 - (2) Membersihkan dan mengemas kawasan wad haiwan dan kawasan sekitarnya;
 - (3) Menyediakan makanan dan minuman pesakit pada masa yang ditetapkan;
 - (4) Membuang sisa klinikal mengikut peraturan yang ditentukan;
 - (5) Membantu urusan pelupusan bangkai haiwan;
 - (6) Tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa; dan
 - (7) Pemohon haruslah bersedia untuk terlibat dengan haiwan kesayangan dan haiwan besar termasuk haiwan ladang dan haiwan eksotik.

Kriteria Lain : Kemasukan segera. Keutamaan bagi calon yang boleh berkhidmat mulai **15 Julai 2026**.

(4) PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (SETARA GRED H1 – PEMBANTU KHIDMAT AM)

Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran

Kumpulan Gaji : Pelaksana
: RM 1,800.00 (tiada elaun)

Syarat Lantikan : (1) Warganegara Malaysia,
(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

Kelayakan Masuk: Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

(3) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

ATAU

Kelayakan Masuk: Sijil Vokasional Malaysia (SVM)

(4) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan;

ATAU

Kelayakan Masuk: SPM dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2

(5) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

ATAU

Kelayakan Masuk: SPM dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3

(6) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

Syarat Bahasa Melayu:

(7) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.


Taraf Jawatan : Kontrak


- Ringkasan Tugas : (1) Membersihkan dan mengemas kawasan wad haiwan dan kawasan sekitarnya;
- (2) Membersihkan kandang haiwan dan ruang kerja yang terlibat;
- (3) Menyediakan makanan dan minuman pesakit pada masa yang ditetapkan;
- (4) Membuang sisa klinikal mengikut peraturan yang ditentukan;
- (5) Membantu urusan pelupusan bangkai haiwan;
- (6) Menjalankan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja;
- (7) Tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa; dan
- (8) Pemohon haruslah bersedia untuk terlibat dengan haiwan kesayangan dan haiwan besar termasuk haiwan ladang dan haiwan eksotik.

Kriteria Lain : Kemasukan segera. Keutamaan bagi calon yang boleh mula berkhidmat mulai **15 Julai 2026**

CARA MEMOHON:

- (1) Kepada yang berkelayakan dan berminat untuk kekosongan jawatan-jawatan berkenaan sila isi borang permohonan seperti berikut:

Bil.	Kumpulan Jawatan	Borang	QR Code Borang
1.	Pengurusan & Profesional	Borang Permohonan Jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional (SOK/BUM/BR03/JAWATAN 01)	

Bil.	Kumpulan Jawatan	Borang	QR Code Borang
2.	Pelaksana	Borang Permohonan Jawatan Kumpulan Pelaksana (SOK/BUM/BR03/JAWATAN 02)	

- (2) Sila hantarkan borang yang telah lengkap diisi beserta salinan kad pengenalan (berpalang), salinan surat beranak dan dokumen-dokumen sokongan lain (sijil akademik yang berkaitan) ke alamat:

**Pejabat Pentadbiran
Timbalan Dekan Hospital Veterinar
Fakulti Perubatan Veterinar
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR DARUL EHSAN
(u.p: Ahmad Azlan Ahmad Saad)**

- (3) **PERHATIAN:**

- (i) Permohonan yang tidak lengkap diisi atau lewat diterima tidak akan dilayan;
- (ii) Hanya calon yang berjaya dalam proses saringan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga; dan
- (iii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan boleh menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

Sekian, Terima Kasih.

AHMAD AZLAN BIN AHMAD SAAD

Pegawai Tadbir
Hospital Veterinar Universiti
Fakulti Perubatan Veterinar
Universiti Putra Malaysia
No. Tel.: 03 – 9769 3886/ 3430

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

SALINAN BERCETAK (*HARDCOPY*) BORANG PERMOHONAN YANG LENGKAP DIISI HENDAKLAH DIHANTAR KE ALAMAT DI ATAS SELEWAT-LEWATNYA PADA:

29 MEI 2026 (JUMAAT)